

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TUAN YUSUF BIN ABD. WAHAB  
(TANJONG MANIS)**

**TARIKH : 18 NOVEMBER 2021 (KHAMIS)**

**SOALAN**

**TUAN YUSUF BIN ABD. WAHAB** minta **MENTERI KANAN PENDIDIKAN** menyatakan apakah status pemberian komputer atau peranti kepada murid-murid sekolah di kawasan Parlimen Tanjong Manis. Berapa jumlah yang sudah diserahkan dan yang akan diserahkan pada tahun hadapan.

**JAWAPAN**

**Tuan Yang di-Pertua,**

Inisiatif Tabung CERDIK adalah satu inisiatif pemberian peranti digital lengkap dengan pelan data kepada 150,000 orang murid B40 yang dilaksanakan oleh Yayasan Hasanah, sebuah yayasan di bawah Khazanah Nasional. CERDIK merupakan satu inisiatif tanggung jawab sosial korporat (CSR) oleh syarikat berkaitan kerajaan (GLC) dan syarikat pelaburan berkaitan kerajaan (GLIC) bertujuan menyediakan peranti digital kepada murid B40 yang dikenal pasti. Yayasan Hasanah bertanggungjawab menguruskan sumbangan peranti digital termasuk pelan data daripada GLC dan GLIC serta menyelaras penghantaran peranti digital ke pejabat pendidikan daerah (PPD). Manakala, Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) bertanggungjawab untuk mengenal pasti murid B40 yang layak menerima peranti digital mengikut kriteria yang ditetapkan dan seterusnya menguruskan agihan peranti digital tersebut.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kesemua 150,000 peranti digital inisiatif Tabung CERDIK telah selesai diagihkan pada 29 Oktober 2021. Daripada jumlah tersebut sebanyak 429 unit peranti telah selesai diagihkan kepada lima (5) sekolah di kawasan Parlimen Tanjong Manis.